



Masalah dalam Terjemahan Majāz Mursal al-Quran: Analisis Terhadap Hubungan Ītibār mā sayakūn

Problem in Translating Quranic Synecdoche: Analysis of Relationship of the Event That Will Occur

Noor Maizaitun Zainuddin¹, Nasimah Hj Abdullah², Saifulah Samsudin³

^{1 2 3} (Universiti Islam Selangor, Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia)

Email: ¹maizainuddin93@gmail.com, ²nasimah@kuis.edu.my

ABSTRACT

Majāz mursal is one of the styles of al-Majāz in Arabic rhetoric. It contains an implicit or implied meaning that is not explicitly stated. The literal approach leads to the loss of implicit meaning in majāz mursal. Therefore, this study aims to compare the approach used by several translation texts in translating the synecdoche in the Qur'anic discourse that refers to the relationship of the event that will occur (ītibār mā sayakūn) to see the equivalence of the actual meaning found in the Qur'an with the target text. This study is qualitative library research using content analysis methods and purposive sampling techniques. The primary data source of this study was collected from al-Burhān fī 'Ulum al-Quran. Four translation texts of the Quran by Hidayah House of Quran, Karya Bestari, Abdullah Basmeih and Yayasan Restu are used as a corpus to investigate the translation approaches used in the four texts. The data analysis of the selected translations is based on the theory of explicitation introduced by Vinay and Darbelnet (1995) and the explicitation technique presented by Murtisari (2016). To measure the accuracy and compatibility of the messages of the resource language with the target language, the interpretations of the tafsīr are used, such as al-Kashshāf by Al-Zamakhsyarī, al-Jalālain by Al-Suyūti, An'war At-Tanzīl wa Asrāru At-Ta'wīl by Baydhāwi, Al-Tashīl lī 'Ulum al-Tanzīl by Ibn Juzayy, al-Tahrīr Wa Tanwīr by Ibn' Asyur, Jami'ul Bayān by Al-Tabarī, Fī Zilāl al-Quran by Syed Qutb and Tafsīr al-Munīr by Wahbah Zuhailī. This study shows that two (2) of the five (5) (data) have shown the application of the explicitation strategy. It can reveal the implicit meaning that exists in the language style of majāz mursal from the relationship related to things that will happen (ītibār mā sayakūn) compared to the literal translation method.

Keywords: “Majāz mursal”, “relationship of the event that will occur (ītibār mā sayakūn)”, “explicitation”

ABSTRAK

Majāz mursal adalah salah satu daripada gaya bahasa majāz yang wujud dalam pengajian ilmu retorik Arab. Majāz mursal mengandungi makna implisit atau makna tersirat yang tidak disebutkan secara nyata. Menterjemahkannya secara literal akan mengundang masalah kehilangan makna implisit yang terdapat di dalamnya. Tujuan kajian ini ialah membandingkan pendekatan yang digunakan oleh empat teks terjemahan dalam menterjemahkan majāz mursal dalam wacana al-Quran khusus kepada hubungan berkaitan dengan perkara yang akan terjadi (ītibār mā sayakūn). Perbandingan dibuat untuk melihat kesepadanan maksud sebenar yang terdapat dalam mesej al-Quran dengan teks sasaran. Kajian ini merupakan kajian kepustakaan dan berbentuk kualitatif kerana menggunakan kaedah analisis kandungan teks dan teknik pensampelan bertujuan. Kajian ini menjadikan kitab al-Burhan fi ‘Ulum al-Quran sebagai sumber data utama dalam kajian. Korpus kajian ialah empat teks terjemahan al-Quran, iaitu teks terjemahan Hidayah House of Quran, Karya Bestari, Abdullah Basmeih dan Yayasan Restu. Analisis teks terjemahan adalah berlandaskan teori eksplisitasi yang diperkenalkan oleh Vinay dan Darbelnet (1995) dan teknik pengeksplisitan yang dikemukakan oleh Murtisari (2016). Untuk mengukur ketepatan dan kesepadanan mesej bahasa sumber dengan bahasa sasaran, penghuraian kitab-kitab tafsir dirujuk seperti Tafsīr al-Kashshāf karya Al-Zamakhsharī, Tafsīr al-Jalālain karya al-Suyūṭī, Tafsīr An’war At-Tanzīl wa Asraru At-Ta’wil karya Baydhāwī, Tafsīr Al-Tashīl li ‘Ulum al-Tanzīl karya Ibn Juzayy, Tafsīr al-Tahrīr Wa al-Tanwīr karya Ibn Āsyur, Tafsīr Jamiūl Bayan karya al-Tabari, Tafsīr Fī Zilāl al-Quran karya Syed Qutb dan Tafsīr al-Munīr karya Wahbah al-Zuhailī. Kajian ini menunjukkan dua (2) daripada lima (data) mengaplikasikan strategi eksplisitasi dan hal ini mampu menzahirkan dengan jelas makna implisit yang wujud dalam gaya bahasa majāz mursal daripada hubungan berkaitan dengan perkara yang akan terjadi (ītibār mā sayakūn) berbanding dengan kaedah terjemahan secara literal.

Kata kunci: “Majāz Mursal”, “Hubungan berkaitan perkara yang akan terjadi (ītibār mā sayakūn)”, “eksplisitasi”

PENDAHULUAN

Terjemahan merupakan medium pemindahan ilmu serta wahana komunikasi lisan dan bukan lisan antara masyarakat dunia berbilang bangsa dan budaya. Proses pemindahan ilmu dan komunikasi sesama manusia di bumi ini sukar dicapai tanpa aktiviti penterjemahan (Abd Rahman & Abdullah, 2021). Bagi masyarakat Melayu

yang beragama Islam, terjemahan al-Quran memainkan peranan yang sangat penting sebagai alat untuk memahami bahasa al-Quran yang diturunkan dalam bahasa Arab (Abdullah et al., 2021).

Sepertimana yang dinyatakan oleh Ab. Halim dan Mohd Sa'ad (2021), kebanyakan daripada masyarakat Islam akan merujuk teks terjemahan untuk memahami dan mendalami maksud ayat al-Quran. Hal ini disokong oleh kajian Mohd Yasin et al. (2017) serta Abdullah et al. (2019) yang menyatakan teks terjemahan al-Quran berfungsi menjelaskan dan menyampaikan informasi yang terdapat dalam al-Quran kepada pembaca yang tidak memahami dan tidak mempunyai latar belakang pengetahuan dalam bahasa Arab.

Dari segi penulisan, bicara dan olahan al-Quran berbeza daripada wacana dan teks yang lain. Menurut Ameen (2001), al-Quran memiliki ciri-ciri bahasa yang unik selain mengandungi unsur retorik yang tinggi. Antara unsur retorik yang terkandung dalam al-Quran adalah seperti *isti'arah*, *kinayah*, *majāz mursal*, *elipsis*, *uslub iltifāt*, *i'jaz*, *īṅnab* dan lain-lain. Unsur retorik dikenali sebagai ilmu Balaghah dalam bahasa Arab dan cabang ilmu ini merupakan salah satu komponen dalam ilmu linguistik Arab. Balaghah merujuk perihal sampainya sesuatu maksud atau makna dengan menggunakan aspek kata yang betul, struktur sintaksis yang tepat dan konteks pengujaran atau teks yang dihasilkan sesuai (Azman, 2018). Dengan erti kata lain, balaghah ialah ilmu yang menyerlahkan penampilan makna yang menarik melalui ungkapan yang tepat di samping memberikan kesan yang mendalam serta bersesuaian dengan makna (Anon, 1996).

Kajian ini akan menyentuh dan memberi tumpuan kepada salah satu unsur retorik bahasa Arab, iaitu *majāz mursal*. *Majāz mursal* ialah gaya bahasa yang menggunakan perkataan yang maksudnya berlainan daripada makna sebenar (Ameen, 2001). *Majāz mursal* mempunyai pelbagai hubungan seperti sebahagian (*al-juz'īyyah*), keseluruhan (*al-kulliyyah*), sebab (*al-sababiyyah*), penyebab (*al-musababiyyah*), keadaan (*al-hāliyyah*), berdasarkan apa yang telah berlaku (*ītibār mā kāna*), berdasarkan apa yang akan berlaku (*ītibār mā sayakun*), alat (*al-aliyyah*) dan lain-lain ('Ateeq, 1985).

Menurut Abdullah et al. (2020), hubungan tersebut bukan hubungan yang berunsurkan penyerupaan tetapi hubungan berunsurkan kemaknaan. Penterjemah perlu mengenal pasti dengan baik kepelbagaian hubungan *majāz mursal* ini sebelum menterjemahkannya ke dalam bahasa Melayu agar makna implisit dalam *majāz mursal* dapat dizahirkan dengan jelas. Penterjemahan yang terlalu terikat dengan kaedah terjemahan literal semata-mata, adakalanya boleh mengundang masalah kehilangan makna *majāz mursal* dalam teks sasaran (Nurbayan, 2016).

Penulis akan mengemukakan di sini satu contoh terjemahan *majāz mursal*. Contohnya seperti berikut:

Teks sumber	ولدت الأم الطيبية.
Terjemahan Glos	[telah melahirkan] [seorang ibu] [seorang doktor].

Terjemahan di atas adalah terjemahan secara kata demi kata (glos). Secara logiknya adalah mustahil seorang ibu melahirkan seorang doktor. Contoh tersebut sebenarnya merupakan gaya bahasa *majāz mursal* yang mempunyai kaitan dengan perkara yang akan terjadi (*ītibār mā sayakūn*). *Majāz mursal* jenis ini merujuk satu keadaan gaya bahasa yang menyebut sesuatu perkara yang dinisbahkan kepada apa yang akan berlaku kemudiannya (Al-Qazwini, 2003) atau *majāz* yang menamakan sesuatu perkara berdasarkan keadaan sesuatu perkara tersebut pada masa akan datang ('Abbas, 2005). Penterjemahan ayat di dalam contoh itu secara kata demi kata tidak boleh menyerlahkan makna implisit yang ada dalam gaya bahasa *majāz mursal* tersebut. Makna implisit yang terkandung dalam ayat tersebut ialah ibu telah melahirkan seorang bayi dan kelak nanti diharapkan agar bayi itu akan menjadi seorang doktor.

Penggunaan perkataan الطيبية dalam ayat tersebut dibuat berdasarkan perkara yang akan datang, iaitu selepas bayi itu dewasa yang mungkin akan menjadi seorang doktor. Di sini dapat diperhatikan bahawa makna retorik yang terkandung pada wacana tersebut tidak boleh dipindahkan melalui terjemahan secara literal semata-mata. Untuk itu, penggunaan kaedah penterjemahan lain perlu dilakukan agar makna yang dimaksudkan oleh hubungan perkara yang akan terjadi (*ītibār mā sayakūn*) boleh tercapai sehampir mungkin. Justeru, ayat tersebut boleh dipindahkan kepada bahasa Melayu menggunakan strategi eksplisitasi dengan bentuk pengkhususan seperti berikut:

Ibu melahirkan seorang bayi yang akan menjadi doktor suatu hari nanti.

Isu terjemahan *Majāz Mursal al-Quran*

Al-Quran mempunyai ciri-ciri wacana yang unik dan penuh dengan nilai kesusasteraan Arab. Dengan sebab itu, diperhatikan kebiasaannya penterjemah teks terjemahan al-Quran ke dalam bahasa Melayu mengguna pakai strategi terjemahan tertentu dalam usaha menyampaikan mesej al-Quran kepada masyarakat Melayu. Salah satu cabaran kepada penterjemah semasa menterjemah ialah mencapai kesepadanan makna bagi informasi yang tidak disebut di dalam teks sumber. Gaya bahasa *majāz mursal* al-Quran dengan kepelbagaian jenisnya mengandungi makna implisit yang sudah pasti menjadi cabaran kepada penterjemah dalam proses terjemahan. Secara praktikalnya, pemindahan makna implisit yang terkandung dalam teks bahasa sumber boleh mendorong berlakunya fenomena pengeksplisitan, iaitu penterjemah akan menggunakan strategi terjemahan yang dipanggil sebagai strategi eksplisitasi.

Kajian Abdullah et al. (2020) merumuskan bahawa terjemahan *majāz mursal* al-Quran ke bahasa Melayu kebanyakannya cenderung kepada mengekalkan bentuk teks sumber tanpa mengemukakan sebarang pentafsiran atau takwilan yang jelas. Pemindahan bentuk teks sumber semata-mata tanpa mengambil kira makna adakalanya mengundang kekaburan dan ketidaktepatan dalam memahami mesej teks asal lebih-lebih lagi apabila melibatkan terjemahan teks sumber yang mengandungi unsur budaya dan linguistik berbeza dengan teks sasaran. Namun begitu, kajian tersebut juga menegaskan bahawa penggunaan kepelbagaian jenis strategi eksplisitasi membolehkan makna implisit diserlahkan.

Kajian Samsudin et al. (2020) terhadap teks terjemahan Tafsir Pimpinan ar-Rahman yang diterbitkan oleh JAKIM yang memberi tumpuan kepada terjemahan *majāz mursal* al-Quran di dalam surah al-Baqarah telah mendapati bahawa penterjemah tidak konsisten dalam penggunaan teknik penterjemahan kerana sebahagian *majāz mursal* diterjemahkan dengan pendekatan literal dan sebahagian lagi menggunakan pendekatan eksplisitasi. Kajian ini menggunakan pendekatan strategi eksplisitasi oleh Vinay dan Darbelnet (1955) untuk menzahirkan makna implisit dalam terjemahan alternatif yang disediakan.

Kajian Abdullah et al. (2021) pula menganalisis *majāz mursal* al-Quran yang mempunyai hubungan *musabbab* atau kesan. Kajian ini menemukan fakta bahawa keseluruhan contoh yang diterjemahkan dengan pendekatan terjemahan literal menyebabkan makna implisit yang terkandung dalam *majāz mursal* tersebut tidak dapat diserlahkan dalam teks terjemahan. Kajian ini mendapati bahawa pendekatan Abdullah Basmeih dan Mahmud Yunus yang menggunakan pendekatan eksplisitasi pada beberapa penterjemahan *majāz mursal* daripada jenis ini boleh menyerlahkan makna implisit yang terdapat pada *majāz mursal* tersebut, selain lebih mudah difahami selaras dengan huraian para pentafsir al-Quran.

Kajian Hassan dan Abdul Rahman (2022) pula mendapati bahawa *majāz mursal* al-Quran perlu diterjemahkan dengan jelas agar makna yang sebenar dapat disampaikan. Kajian tersebut mencadangkan supaya penjelasan kepada makna sebenar dijadikan sebagai nota kaki atau diletakkan dalam kurungan. Namun begitu, kajian tersebut didapati tidak memanfaatkan perkembangan teori yang berlaku dalam bidang pengajian terjemahan moden.

Berdasarkan kajian Abdullah et al., (2020) Samsudin et al., (2020) dan Abdullah et al., (2021) terjemahan makna implisit dalam gaya bahasa *majāz mursal* dalam teks terjemahan al-Quran relevan dilakukan bagi memastikan bahawa informasi dalam al-Quran disampaikan dengan jelas (Hassan dan Abdul Rahman, 2020). Daripada sorotan kajian lepas, penulis dapati kajian berkaitan terjemahan gaya bahasa *majāz mursal* daripada hubungan berkaitan dengan perkara yang akan terjadi (*ītibār mā sayakūn*) boleh dikembangkan menggunakan teori eksplisitasi yang diperkenalkan oleh Vinay dan Darbelnet (1995) dan mengguna pakai teknik pengeksplicitan yang

dikemukakan oleh Murtisari (2016) untuk menzahirkan makna implisit dalam gaya bahasa *majāz mursal* al-Quran.

Strategi Eksplisitasi

Pada tahun 1958, Vinay dan Darbelnet (1995) telah memperkenalkan eksplisitasi dalam buku mereka yang berbahasa Perancis bertajuk “*Stylistique comparée et de l’angalais*”. Mereka membuat perbandingan terjemahan stilistik antara bahasa Inggeris dengan bahasa Perancis. Buku tersebut telah diterjemahkan ke bahasa Inggeris pada tahun 1995. Vinay dan Darbelnet (1995) mendefinisikan eksplisitasi sebagai satu prosedur dalam terjemahan yang menzahirkan makna implisit yang terdapat dalam bahasa sumber ke bahasa sasaran atas faktor konteks atau keadaan. Perkembangan prosedur eksplisitasi dapat dibuktikan dengan kajian-kajian daripada sarjana dalam bidang linguistik seperti Nida (1964), Blum-Kulka, (1986), Baker (1996), Overas (1998), Papai (2004), Klaudy dan Károly, (2005), Pym (2006), Beacher (2010) dan lain-lain.

Nida (1964), telah mengembangkan idea eksplisitasi tanpa menzahirkan istilah “eksplisitasi”. Beliau mengklasifikasikan prosedur eksplisitasi di bawah teknik penyesuaian (*adjustment*) dan menamakannya sebagai teknik penambahan (*addition*).

Selepas dua dekad kemudian, Blum-Kulka (1986) menulis tentang eksplisitasi secara sistematik. Beliau mendapati penambahan makna eksplisit dalam teks sasaran ialah kesan daripada usaha ke arah mewujudkan ketenunan teks (kohesi) dan aliran tematik (koheren).

Manakala, Baker (1996) pula mengembangkan lagi strategi eksplisitasi sebagai satu corak terjemahan universal yang cenderung kepada hasil teks yang bersifat lewah di mana beliau membahagikan terjemahan universal kepada empat (4) corak iaitu ringkasan, pengeksplisitan, generalisasi dan penambahan dan pengurangan.

Kemunculan kajian Klaudy dan Karoly pada 2005 mencambahkan lagi perbincangan tentang eksplisitasi, tetapi kajian ini mencakupi dua strategi secara bersama iaitu eksplisitasi dan implisitasi.

Murtisari (2016) pula menyenaraikan pelbagai bentuk eksplisitasi seperti penambahan, pengkhususan, maklumat tambahan dalam kurungan, nota kaki, nota pada akhir bab, glosari pada akhir teks, dalam glosari yang berasingan (khusus untuk penerbitan berjilid).

Mansor (2016) menyatakan prosedur eksplisitasi kategori penambahan terdiri daripada pelbagai bentuk termasuklah penambahan kata hubung, penambahan kata pengelasan, penambahan maklumat dan penjelasan terhadap elipsis. Dalam pada itu,

pengkhususan pula bermaksud penggantian item teks sumber dengan padanan yang lebih khusus berdasarkan maksud yang terdapat dalam bahasa sasaran.

Berdasarkan beberapa kajian lepas dapat diperhatikan bahawa strategi eksplisitasi secara asasnya diaplikasikan dalam terjemahan untuk memberi kefahaman yang lebih jelas tentang makna implisit yang terkandung dalam bahasa sumber selain boleh berfungsi mengelakan daripada kekaburan dalam teks sasaran. Walau Bagai manapun, tidak dinafikan juga bahawa penggunaan strategi ini secara berlebihan adakalanya boleh meyebabkan berlakunya kelewahan.

OBJEKTIF

Kajian ini bertujuan membandingkan pendekatan yang digunakan oleh beberapa teks terjemahan dalam penterjemahan *majāz mursal* dalam wacana al-Quran khusus kepada hubungan berkaitan dengan perkara yang akan terjadi (*Ītibār mā sayakūn*) untuk melihat kesepadanan maksud sebenar yang terdapat dalam mesej al-Quran dengan teks sasaran.

METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian kepustakaan. Pengumpulan dan penganalisan data pula menerapkan pendekatan kualitatif. Kajian ini menjurus kepada analisis konstratif, analisis kandungan dan analisis deskriptif. Bentuk analisis bersifat konstratif digunakan kerana perbezaan bahasa teks sumber, iaitu bahasa Arab dan teks sasaran iaitu bahasa Melayu.

Analisis kandungan teks juga digunakan dalam kajian ini. Analisis kandungan teks merupakan satu kaedah yang digunakan untuk mengamati, membuat kesimpulan dan menilai sesuatu bahan yang diterima (Syed Arabi, 2002). Kajian ini menggunakan kaedah perbandingan antara empat (4) teks terjemahan makna al-Quran iaitu i) Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada Pengertian al-Quran oleh Abdullah Basmeih cetakan 2010, ii) Al-Quran Al-Karim Terjemahan & Tajwid Berwarna, terbitan Karya Bestari Sdn. Bhd cetakan 2021 iii) Terjemahan Al-Qur'an Al-Karim Rasm Uthmani dalam Bahasa Melayu terbitan Al-Hidayah House of Quran Sdn.Bhd cetakan 2019 dan iv) Al-Quran Mushaf Malaysia dan Terjemahan terbitan Yayasan Restu cetakan 2011. Kajian ini akan meneliti keempat-empat teks terjemahan tersebut dengan memberi tumpuan kepada terjemahan *majāz mursal* dalam al-Quran daripada jenis hubungan berkaitan dengan perkara yang akan terjadi (*ītibār ma sayakūn*).

Analisis deskriptif juga digunakan dalam kajian ini untuk memberikan gambaran yang jelas tentang bagaimana berlakunya kehilangan makna sebenar dalam unsur *majāz mursal* al-Quran apabila diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu dengan menggunakan kaedah terjemahan secara literal.

Data yang dianalisis dalam kajian ini dipilih dengan menggunakan teknik pensampelan bertujuan. Menurut Chua, (2021) pensampelan bertujuan (*purposive sampling*) ialah pensampelan yang melibatkan sekumpulan subjek yang mempunyai ciri-ciri tertentu dipilih sebagai data kajian. Ciri-ciri data yang ditentukan dalam kajian ini adalah ayat al-Quran yang mengandungi hubungan *majāz mursal* daripada hubungan berkaitan dengan perkara yang akan terjadi (*ītibār mā sayakūn*). Sebanyak lima (5) ayat dipilih dari sumber utama kajian ini, iaitu kitab *Burhān fī ūlum al-Quran* (Al-Zarkasyi, 1984). Data korpus ialah surah Yusuf ayat 36, surah al-Hijr ayat 53, surah al-Saffat ayat 101, surah al-Zariat ayat 28 dan surah Nuh ayat 27.

Analisis data terjemahan bagi empat (4) teks terjemahan yang dipilih berlandaskan konsep eksplisitasi yang diperkenalkan oleh Vinay dan Darbelnet (1995) dan teknik eksplisitasi yang dikemukakan oleh Murtisari (2016). Strategi eksplisitasi oleh Vinay dan Darbalnet diaplikasikan kerana mereka berdua mendefinisikan eksplisitasi sebagai satu prosedur dalam terjemahan yang menyerlahkan makna implisit yang wujud dalam bahasa sumber ke dalam bahasa sasaran atas faktor keadaan dan konteks. Hal ini sesuai dengan fenomena *majāz mursal* yang mengandungi makna implisit yang boleh mempengaruhi teks sasaran.

Kesemua lima (5) data yang mengandungi gaya bahasa *majāz mursal* daripada hubungan berkaitan dengan perkara yang akan terjadi (*ītibār mā sayakūn*) akan disemak berdasarkan kitab *balaghah* seperti *Al-Takwinaat Al-Nahwiyah li al-Majaz al-Mursal fi al-Quran al-Karim* (Kata'a, 2008). Bagi mengukur kesepadanan yang paling hampir, terjemahan lima (5) data yang dikaji akan disemak dengan huraian kitab tafsir oleh ulama yang muktabar seperti Tafsir *al-Kasyyaf* karya Al-Zamakhshyari, Tafsir Jalalain karya al-Suyuti, Tafsir *An'war At-Tanzil wa Asraru At-Ta'wil* karya al-Baydhawi (1997), Tafsir *At-Tashil li 'Ulumul Tanzil* karya Ibn Juzayy (1995), Tafsir *al-Tahrir Wa Tanwir* karya Ibn 'Asyur, Tafsir *Jami'ul Bayan* karya al-Tabari, Tafsir *Al-Munir* oleh Wahbah Zuhaili (2018) dan Tafsir *Fizilalil Quran* oleh Syed Qutb (2001) untuk memastikan data yang dipilih adalah sah dan menepati tafsiran ulama.

Penulis akan menggunakan akronim bagi setiap teks terjemahan Al-Quran. Akronim HHQ bagi teks terjemahan Al-Hidayah House of Quran, KB bagi teks terjemahan Karya Bestari, AB bagi teks terjemahan Abdullah Basmeih dan YR bagi teks terjemahan Yayasan Restu. Garisan akan diletakkan di bawah perkataan, frasa atau ayat yang mengandungi *majāz mursal* dan terjemahannya akan ditebalkan.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Perbincangan yang seterusnya ialah membuat perbandingan terhadap empat (4) teks terjemahan al-Quran kepada bahasa Melayu untuk melihat kesepadanan maksud sebenar yang terdapat dalam mesej al-Quran dengan teks sasaran.

1. Surah Yūsuf (12: 36)

وَدَخَلَ مَعَهُ السِّجْنَ فَتَيَانٌ قَالَ أَحَدُهُمَا إِنِّي أَرَانِي أَعْصِرُ خَمْرًا ۝٣٦

Terjemahan HHQ	Dan telah masuk bersamanya ke dalam penjara dua orang pemuda. Berkata salah seorang di antara keduanya: “Sesungguhnya aku bermimpi memerah anggur. ”
Terjemahan KB	Dan dimasukkan pula dua orang pemuda bersamanya ke dalam penjara. Salah seorang daripadanya berkata, “Sesungguhnya aku bermimpi memeras anggur, ”
Terjemahan AB	Dan masuklah bersama-samanya ke penjara dua orang khadam raja. Salah seorang di antaranya (bertanya kepada Yusuf dengan) berkata: “Sesungguhnya aku bermimpi melihat diriku memerah anggur ”.
Terjemahan YR	Kemudian, masuklah bersama-samanya ke dalam penjara dua orang pemuda. Salah seorang antaranya berkata, “Sesungguhnya aku bermimpi melihat diriku memerah anggur, ”

Ayat ini berkaitan dengan peristiwa Nabi Yusuf di dalam penjara dan bermulalah dakwahnya menuju agama yang benar (al-Zuhaili, 2018:496) iaitu Islam. Ayat ini mengandungi ungkapan *majāz mursal* pada (أَعْصِرُ خَمْرًا). Ungkapan tersebut merupakan *majāz mursal* daripada jenis hubungan berkaitan dengan perkara yang akan terjadi (*ṭtibār mā sayakun*).

Ungkapan (أَعْصِرُ خَمْرًا) jika diterjemah secara literal bermaksud aku memerah arak. Perbuatan memerah arak adalah tidak logik kerana yang boleh diperah ialah anggur, bukan arak. Makna implisit pada ungkapan tersebut ialah memerah anggur untuk dijadikan arak kemudiannya (Al-Baidhāwi, 1997; Al-Suyutī, n.d.; Al-Tabarī, n.d.; Al-Zamakhsharī, 1987; Ibn 'Asyur, n.d.; Juzayy, 1995).

HHQ, AB dan YR telah menterjemahkan ungkapan ini dengan memerah anggur, manakala KB menggunakan istilah memeras. Kedua-kedua istilah ini diguna pakai dalam kamus bahasa Melayu yang mempunyai makna yang sama, iaitu perbuatan yang mengeluarkan air (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2015).

Dari segi kaedah terjemahan, keempat-empat teks terjemahan ini tidak menterjemahkan ungkapan *majāz mursal* tersebut dengan kaedah terjemahan literal. Dapat kita lihat di sini bahawa para penterjemah tidak terikat dengan konstituen bahasa sumber ketika menterjemah gaya bahasa *majāz mursal* tersebut. Penterjemahan seperti ini boleh membantu pembaca sasaran untuk memahami dengan jelas penceritaan yang hendak disampaikan dalam al-Quran.

Namun begitu, kesemua terjemahan masih lagi tidak dapat memaparkan makna implisit yang terkandung dalam gaya bahasa *majāz mursal* dari jenis hubungan berkaitan dengan perkara yang akan terjadi. Penulis berpendapat, penterjemah mungkin boleh menggunakan strategi eksplisitasi dengan bentuk pengkhususan leksikal seperti yang berikut:

“Sesungguhnya aku bermimpi melihat diriku **memerah anggur untuk dijadikan arak.**”

2. Surah al-Hijr (15: 53)

قَالُوا لَا تَوْجَلْ إِنَّا نُبَشِّرُكَ بِغُلْمٍ عَلِيمٍ ٥٣

Terjemahan HHQ	(Mereka) berkata: “Janganlah kamu berasa takut, sesungguhnya kami memberi khabar gembira kepadamu dengan (kelahiran seorang) anak lelaki (yang akan menjadi) orang yang alim. ” ¹ 1. Ialah Nabi Ishak ‘Alaihissalam
Terjemahan KB	(Mereka) berkata, “Janganlah engkau berasa takut, sesungguhnya kami memberi khabar gembira kepadamu dengan (kelahiran seorang) anak lelaki (yang akan menjadi) orang yang pandai (Ishak). ”
Terjemahan AB	Mereka menjawab: “Janganlah engkau takut, sebenarnya kami hendak menggembirakanmu dengan berita bahawa engkau akan beroleh seorang anak lelaki yang bakal menjadi seorang yang berilmu. ” ⁴⁹⁸ 498. Anak itu ialah Ishak kemudiannya menjadi Nabi.
Terjemahan YR	Mereka menjawab, “Janganlah engkau takut, sebenarnya kami membawa berita gembira bahawa engkau akan beroleh seorang anak lelaki yang bakal menjadi seorang yang berilmu. ”

Ayat ini berkaitan dengan kisah tetamu Nabi Ibrahim, iaitu para malaikat yang diutuskan oleh Allah dan termasuk antaranya Malaikat Jibril (al-Zuhaili, 2018). *Majāz mursal* dalam ayat ini daripada jenis hubungan berkaitan dengan perkara yang akan terjadi (*ītibār mā sayakūn*), iaitu pada ungkapan (غُلْمٍ عَلِيمٍ) yang dimaksudkan dengan Nabi Ishak A.S. (Al-Baidhāwi, 1997; Al-Suyutī, n.d.) yang akan memiliki ilmu yang banyak apabila telah dewasa kelak (al-Zuhaili, 2018: 312).

Ungkapan (غُلْمٍ عَلِيمٍ) jika diterjemahkan secara literal bermaksud seorang kanak-kanak lelaki yang berilmu. Secara logiknya, seorang bayi yang baru lahir tidak akan terus menjadi seorang yang berilmu kerana ilmu ialah satu benda yang akan diperoleh selepas melalui proses pembelajaran semasa pertambahan usia. Yang dimaksudkan ialah bayi tersebut akan menjadi seorang yang berilmu apabila dewasa ataupun setelah baligh.

Keempat-empat teks terjemahan telah menggunakan strategi eksplisitasi. HHQ dan KB menggunakan teknik maklumat tambahan dalam kurungan, iaitu dengan frasa “yang akan menjadi”. AB dan YR pula menterjemah dengan penambahan leksikal khusus, iaitu “yang bakal menjadi”. Dapat dilihat juga HHQ dan AB menggunakan maklumat tambahan pada nota kaki bagi menyatakan siapa yang dimaksudkan dalam al-Quran.

Pada pemerhatian penulis, penggunaan strategi eksplisitasi adalah lebih baik berbanding dengan terjemahan literal semata-mata kerana strategi tersebut dapat menzahirkan makna implisit yang terkandung dalam *ungkapan majāz mursal* tersebut, malah strategi tersebut juga boleh mengelak kesamaran dan salah faham dalam mesej yang ingin disampaikan dalam al-Quran.

3. Surah as-Sāffāt (37: 101)

فَبَشِّرْهُ بِعِلْمٍ حَلِيمٍ ١٠١

Terjemahan HHQ	Maka Kami beri khabar gembira kepadanya dengan (kelahiran) seorang anak yang sangat sabar (Ismail).
Terjemahan KB	Maka Kami berikan khabar gembira kepadanya dengan (kelahiran) seorang anak yang sangat sabar (Ismail).
Terjemahan AB	Lalu Kami berikan kepadanya berita yang menggembarakan, bahawa ia akan beroleh seorang anak yang penyabar . ¹⁵¹⁰ 1510. Ya'ni anak sulungnya – Nabi Isma'il (a.s.)
Terjemahan YR	Lalu Kami sampaikan kepadanya berita yang menggembarakan, bahawa dia akan beroleh seorang anak yang penyabar .

Ayat ini menceritakan Nabi Ibrahim A.S. yang dikurniai oleh Allah S.W.T. seorang anak, iaitu Nabi Ismail A.S. (Ibn 'Asyur, n.d.; Juzayy, 1995). Ungkapan (عِلْمٍ حَلِيمٍ) dalam ayat ini merupakan *majāz mursal* dari jenis hubungan berkaitan dengan perkara yang akan terjadi (*ītibār mā sayakūn*).

Terjemahan literal bagi frasa (عِلْمٍ حَلِيمٍ) bermaksud kanak-kanak lelaki yang penyabar. Tidak logik bagi seorang kanak-kanak ataupun bayi untuk memiliki sifat yang sedemikian. Yang dimaksudkan dalam ayat ini ialah seorang kanak-kanak lelaki yang bakal menjadi seorang yang sangat penyabar pada suatu masa nanti selepas baligh. Sifat penyabar itu dimiliki oleh Nabi Ismail A.S. apabila Nabi Ismail A.S. telah baligh dan dewasa (Al-Baidhāwi, 1997; Al-Suyutī, n.d.; Al-Tabarī, n.d.). Al-Baidhāwi (1997) menghuraikan sifat-sifat berikut dengan peristiwa Nabi Ibrahim A.S. yang diperintahkan oleh Allah S.W.T untuk menyembelih anaknya Ismail.

Dalam kesemua teks terjemahan yang dikaji, penulis mendapati terjemahan pada ungkapan *majāz mursal* tersebut telah diterjemahkan dengan kaedah terjemahan secara literal. Terjemahan HHQ, KB dan AB menyertakan teknik maklumat tambahan dalam kurungan dan nota kaki semasa menterjemah ungkapan tersebut. Namun, teknik sebegini hanya memberikan informasi tentang siapa yang dimaksudkan dalam al-Quran. Makna implisit yang terkandung dalam ungkapan tersebut masih tidak dapat dizahirkan. Terjemahan ini mungkin akan menimbulkan persoalan pada pembaca sasaran adakah Nabi Ismail A.S. memiliki sifat tersebut sejak usia kanak-kanak? Hal ini akan menyebabkan kesamaran dalam mesej teks sasaran.

Bagi mencapai makna yang sebenar dengan jelas dalam ungkapan *majāz mursal* tersebut dan selaras dengan huraian kitab tafsir, penulis mencadangkan terjemahan alternatif dengan penggunaan strategi eksplisitasi melalui teknik pengkhususan leksikal dan maklumat tambahan dalam kurungan seperti berikut:

Maka kami khabarkan berita gembira kepadanya, bahawa dia akan beroleh seorang anak **yang akan menjadi seorang yang penyabar (apabila dewasa kelak).**

4. Surah Az-Dzāriyāt (51: 28)

قَالُوا لَا تَخَفْ ۗ وَبَشِّرُوهُ بِغُلْمٍ عَلَيْهِ ۨ۸

Terjemahan HHQ	Mereka berkata: “Janganlah kamu takut.” Dan mereka memberi khabar gembira kepadanya dengan (kelahiran) seorang anak yang alim (Ishak).
Terjemahan KB	Mereka berkata, “Janganlah kamu takut,” dan mereka memberi khabar gembira kepadanya dengan (kelahiran) seorang anak yang alim (Ishak).
Terjemahan AB	(Melihat kecemasannya), mereka berkata: “Janganlah engkau takut (wahai Ibrahim)”. Lalu mereka memberikan berita gembira kepadanya, bahawa ia akan beroleh seorang anak yang berpengetahuan. ¹⁶⁸⁶ <small>1686. Ya’ni anaknya yang kedua – Nabi Ishaq (a.s.), seperti yang disebut pada ayat 71, surah Hud.</small>
Terjemahan YR	(Melihat keadaannya), mereka berkata, “Janganlah engkau takut (wahai Ibrahim kerana kami adalah utusan Tuhanmu).” Lalu mereka memberikan berita gembira kepadanya, bahawa dia akan beroleh seorang anak yang berilmu.

Ayat ini menceritakan tetamu Nabi Ibrahim A.S. iaitu para malaikat (al-Zuhaili, 2018: 49). Ungkapan (عَلِمَ عَلِيمًا) dalam ayat ini mengandungi *majāz mursal* daripada jenis hubungan berkaitan dengan perkara yang akan terjadi (*ītibār mā sayakūn*).

Ungkapan (عَلِمَ عَلِيمًا) jika diterjemah dengan kaedah terjemahan literal, maksudnya ialah seorang kanak-kanak yang alim atau yang berpengetahuan atau yang berilmu. Secara logiknya, mustahil bagi seorang kanak-kanak menjadi seorang yang alim. Alim ialah seseorang yang mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang agama disamping memiliki sifat warak, zuhud dan takwa (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2007). Yang dimaksudkan sebenarnya dalam ayat tersebut ialah, seorang kanak-kanak yang akan menjadi seorang yang berilmu apabila dewasa kelak. Tafsiran para ulama pada ayat ini, kanak-kanak yang dimaksudkan ialah Nabi Ishak (Al-Suyutī, n.d.; Al-Tabarī, n.d.; Ibn 'Asyur, n.d.; Juzayy, 1995) yang akan menjadi seorang yang berilmu dan mempunyai ilmu yang sangat banyak (Al-Suyutī, n.d.; Al-Zamakhsharī, 1987) setelah baligh (al-Zuhaili, 2018: 55).

Keempat-empat terjemahan dilihat menterjemahkan ungkapan tersebut dengan kaedah terjemahan literal. Terjemahan HHQ, KB dan AB menyertakan teknik maklumat tambahan dalam kurungan dan nota kaki semasa menterjemah ungkapan tersebut. Namun, teknik tersebut hanya memberikan informasi tentang siapa yang dimaksudkan dalam al-Quran tanpa menzahirkan makna implisit yang terkandung dalam ungkapan *majāz mursal* dari jenis hubungan berkaitan dengan apa yang akan terjadi (*ītibār mā sayakūn*).

Bagi mencapai kesepadanan makna paling hampir seperti yang telah ditafsirkan oleh para ulama, penulis mencadangkan terjemahan yang menerapkan strategi eksplisitasi dengan menggunakan teknik maklumat dalam kurungan seperti berikut:

Mereka berkata: Janganlah kamu (Ibrahim) takut, dan mereka khabarkan berita gembira padanya bahawa dia akan beroleh **seorang anak yang berilmu (apabila sudah dewasa kelak)**.

5. Surah Nuh (71: 27)

إِنَّكَ إِن تَذَرَهُمْ يُضِلُّوْا عِبَادَكَ وَلَا يُلِدُوْا إِلَّا فَاٰجِرًا كَفَّارًا ۚ ٢٧

Terjemahan HHQ	Sesungguhnya jika Engkau biarkan mereka tinggal, nescaya mereka akan menyesatkan hamba-hambaMu dan mereka hanya akan melahirkan anak-anak yang jahat dan tidak tahu bersyukur.
Terjemahan KB	Sesungguhnya jika Engkau biarkan mereka tinggal, nescaya mereka akan menyesatkan hamba-hambaMu, dan

	mereka hanya akan melahirkan anak-anak yang jahat dan tidak tahu bersyukur.
Terjemahan AB	“Kerana sesungguhnya jika Engkau biarkan mereka (hidup), nescaya mereka akan menyesatkan hamba-hambaMu, dan mereka tidak akan melahirkan anak melainkan yang berbuat dosa lagi kufur ingkar.
Terjemahan YR	“Kerana sesungguhnya jika Engkau biarkan mereka (hidup), nescaya mereka akan menyesatkan hamba-hamba-Mu, dan mereka tidak akan melahirkan anak melainkan yang berbuat dosa lagi sangat kafir. ”

Ayat ini membincangkan berbagai-bagai keburukan kaum Nabi Nuh (al-Zuhaili, 2018, p. 161) yang mengadakan berbagai-bagai adat, undang-undang dan peraturan yang membuat kanak-kanak akan terdidik dengan berbuat dosa dan menjadi kafir dan degil (Qutb, 2001).

Majāz mursal dalam ayat ini daripada kategori hubungan berkaitan dengan perkara yang akan terjadi (*ītibār mā sayakūn*), iaitu pada ungkapan (وَلَا يَلِدُوا إِلَّا فَاكِرًا) (كَفَّارًا). Ungkapan ini ditafsirkan dengan perkara yang akan berlaku kepada kaum Nabi Nuh yang apabila mereka melahirkan anak, anak-anak yang dilahirkan ialah orang yang kelak menjadi derhaka dan kafir (al-Zuhaili, 2018; Ibn 'Asyur, n.d.) dan tidak bermoral, zalim dan banyak melakukan kerosakan.

Keempat-empat terjemahan menterjemahkan ungkapan tersebut dengan kaedah terjemahan literal. Kesemua teks terjemahan tidak dapat menggambarkan dengan jelas makna sebenar yang terkandung dalam *majāz mursal* berkaitan dengan perkara yang akan terjadi.

Bagi mencapai kesepadanan makna paling hampir dengan huraian dan tafsiran ulama, penulis mencadangkan terjemahan alternatif dengan menggunakan strategi eksplisitasi melalui teknik penambahan maklumat dalam kurungan seperti berikut:

Mereka hanya akan melahirkan anak yang berbuat dosa dan kafir (**apabila dewasa kelak**).

KESIMPULAN

Majāz mursal sebagai satu gaya bahasa dalam al-Quran merupakan satu unsur yang memerlukan penelitian dan pemerhatian yang mendalam semasa proses penterjemahan supaya hasil terjemahan memberikan makna yang sejelas-jelasnya bertepatan dengan kehendak asal teks sumber. Pemilihan teknik terjemahan memainkan peranan yang penting dalam menghasilkan teks terjemahan yang berkualiti.

Keseluruhan analisis mendapati bahawa dalam data 1 dan 2, para penterjemah menggunakan strategi eksplisitasi, iaitu pada ayat 36 surah Yusuf dan ayat 53 surah al-Hijr. Manakala pada data 3, 4 dan 5, para penterjemah menggunakan terjemahan literal, iaitu pada ayat 101 surah al-Saffat, ayat 28 surah al-Dzariyat dan ayat 27 surah Nuh. Penggunaan strategi eksplisitasi seperti teknik maklumat tambahan dalam kurungan dan pengkhususan leksikal didapati berkesan dalam menzahirkan makna implisit dalam gaya bahasa *majāz mursal*. Sementara itu, penterjemahan dengan kaedah literal kurang berkesan untuk menzahirkan dengan jelas makna implisit yang terkandung dalam gaya bahasa *majāz mursal* tersebut.

Kesimpulannya di sini, strategi eksplisitasi adalah berkesan untuk menyerlahkan makna implisit bersesuaian dengan kesepadanan makna paling hampir dengan huraian dan tafsiran ulama. Selain itu, teks terjemahan menjadi lebih jelas dan lebih difahami oleh pembaca sasaran. Namun, tidak dinafikan bahawa eksplorasi terhadap penggunaan strategi ini boleh menyebabkan tahap kebolehbacaan teks yang lemah dan mengundang kelewahan dalam teks sasaran.

RUJUKAN

- 'Abbas, F. H. (2005). *Al-Balāghah Funūnuhā wa Afnānuhā 'Ilmu al-Bayān wa al-Badī'*. Dar al-Furqan.
- 'Ateeq, A. A. (1985). *Fi al-Balaghat al-'Arabiyah: Ilmu al-Bayan*. Dar al-Nahdhah al-'Arabiyah.
- Abd Rahman, L., & Abdullah, N. (2021). Realiti dan isu terjemahan al-quran kepada bahasa melayu: sorotan kajian lepas. *International Language and Education Conference 2021 (ILEC'21) e-PROCEEDINGS, 2021*, 6–9.
- Abdullah, N., Abd. Rahman, L., & Usman, A. H. (2019). Terjemahan Ayat Mutashabihat: Analisis Fungsi Prosedur Eksplisitasi. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 4(2), 154–170.
- Abdullah, N., Samsudin, S., & Suliman, N. F. (2020). Eksplisitasi Dalam Terjemahan Majāz Mursal Al-Quran. In G. Zainuddin, M. I. Ahmad, M. Mat Daud, A. R. Ghazali, & H. Ikhsan (Eds.), *Isu-Isu Kontemporari Dalam Pengajian Linguistik Arab dan Ketamadunan* (pp. 10–19). Penerbit Fakulti Pengajian Peradaban Islam (KUIS).
- Abdullah, N., Samsudin, S., & Suliman, N. F. (2021). Masalah Semantik dalam terjemahan Majāz Mursal al-Quran: analisis terhadap hubungan Musabbab. *Al-Irsyad*, 6(1), 508–522. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v6i1.145>
- Ab. Halim, Z., & Mohd Sa'ad, M. L. I. H. (2021). Ketidaktepatan Terjemahan Eufemisme dalam al-Quran ke Bahasa Melayu [Inaccuracies of the Translation of Euphemism in the Quran into Malay Language]. *BITARA International*

- Journal of Civilization Studies and Human Sciences*, 4(3), 47–61. <https://www.bitarajournal.com/index.php/bitarajournal/article/view/202/189>
- Al-Baidhāwī, N. (1997). *Anwār al-Tanzil wa asrār al-Ta'wil*. tahqiq: Muhammad Abdul Rahman al-Mara'shali, Dar Ihya' Al-Turath.
- Al-Qazwini, M. I. A. R. Ibn U. (2003). *al-Idhahu fi Ulum al-Balaghah al-Maani wa al-Bayan wa al-Badi'* (1st ed.), tahqiq: Ibrahim Syamsudin, Dar al-Kutub al-Ilmiyyah Jami al-Huquq Mahfuzoh.
- Al-Suyutī, J. (n.d.). *Tafsir al-Jalalaīn*. tahqiq: Mohammad 'abu al-Fadil Ibrahim, Dar al-Hadith.
- Al-Tabarī. (n.d.). *Jami' al-Bayān 'an Ta'wil Āyi al-Qur'ān*. tahqiq: Ahmad Syaker, Dar al-Tarbiyah wa al-Turath.
- Al-Zamakhsharī. (1987). *Tafsir Al-Kashshāf- wa ma'ahu al-Intisof wa masyahid al-Insof wa al-kaf al-syaf* (3rd ed.), tahqiq: Mustafa Hussein Ahmad, Dar al-Kitab al-'Arabi.
- Al-Zarkasyi. (1984). *Al-Burhān fi 'ulum al-Qurān*. Maktabah Dar al-Turath.
- Al-Zuhaili, W. (2018). *Tafsir al-Munir* (Ichsan. Ahmad Yazid, M. B. H, Z. Ariffin, F. F. Bahreisy, M. Ibrahim, T. Nurdianto, A. N. Amarsyah, S. P. Halim, & R. Kumalaninggrum, Eds.; 3rd ed.). Gema Insani.
- Ameen, S. B. (2001). *Al-Balaghah al-Arabiyyah fi thaubiha al Jadid*. Dar al-Ilm li al-Malayin.
- Anon. (1996). *Glosari Bahasa dan Kesusasteraan Arab*. Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Anon. (2015). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azman, C. M. (2018). *Ilmu al-Ma'ani dalam Terjemahan Arab-Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Baker, M. (1996). Corpus-based Translation Studies: The Challenges that Lie Ahead. In *Terminology, LSP and Translation: Studies in Language Engineering in Honour of Juan C. Sager*. John Benjamin Publishing Co.
- Blum-Kulka, S. (1986). Shifts of cohesion and coherence in translation. In *Interlingual and Intercultural Communication* (In Juliane, pp. 17–35). Gunter Narr.
- Chua, Y. P. (2021). *Kaedah Penyelidikan*. (Edisi Ke-4). McGraw-Hill Education (Malaysia) Sdn Bhd.
- Hassan, M. A., & Abdul Rahman, M. S. (2022). Terjemahan Majaz Mursal dalam Surah al-Baqarah Berdasarkan Terjemahan Perkata. *Jurnal Pengajian Islam*, 15(2), 225–240.
- Ibn 'Asyur. (n.d.). *At-Tahrir wa al-Tanwir*. Dar Al-Tunisiyah.
- Juzayy, I. (1995). *al-Tashil li 'ulūm al-Tanzil*. Pentahqiq: Abdullah al-Khalidi. Dar al-Arqam bin Abi al-Arqam.
- Kata'a, F. H. (2008). *Al-Takwinaat Al-Nahwiyyah li al-Majaz al-Mursal fi al-Quran al-Karim*. Dar al-Kitab al-Ilmiyyah.
- Klaudy, K., & Károly, K. (2005). Implication in Translation: Empirical evidence for operational asymmetry in translation. *Across Languages and Cultures*, 6(1), 13–28. <https://doi.org/10.1556/acr.6.2005.1.2>

- Mansor, I. (2016). Explication in The Translation into Malay of Arabic Technical Culture. *Dalam Prosiding Seminar Terjemahan Dan Interpretasi Kebangsaan*, 201–210.
- Mohd Yasin, B. H., Syed Nurulakla, S. A., & Nik Farhan, M. (2017). *Jurang Leksikal Dalam Penterjemahan Kata Kerja Pola Af'ala Dan Fa''ala Al-Quran Ke Dalam Bahasa Melayu*. Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah. http://journal.kuis.edu.my/jsass/images/files6/jsass_vol4bil1_022_badrul.pdf
- Murtisari, E. T. (2016). Explication in translation studies: The journey of an elusive concept. *Translation and Interpreting*, 8(2), 64–81. <https://doi.org/10.12807/ti.108202.2016.a05>
- Nida, E. A. (1964). *Toward A Science of Translating with Special Reference To Principles and Procedures Involved in Bible Translating*. E.J. Brill.
- Nurbayan, Y. (2016). *The Analysis of a Translation of Musyakalah Verses in the Holy Quran Published by the Indonesian Department of Religious Affairs*. <https://doi.org/doi.10.20944/preprints201608.0057.v1>
- Qutb, S. (2001). *Tafsir Fi Zilalil Qur'an Di Bawah Bayangan al-Qur'an* (H. Y. Yusoff Zaki, Ed.). Pustaka Aman Press Sdn.Bhd.
- Samsudin, S., Abdullah, N., & Suliman, N. F. (2020). Pengeksplisitan dalam Terjemahan Majaz Mursal: Analisis dalam Surah Al-Baqarah. *7TH International Research Management And Innivation Conference*, 334–342.
- Syed Arabi, I. (2002). *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Vinay & Darbelnet, J. P. (1995). *Comparative Stylistics of French and English : A Methodology for translation* (translated by Juan C. Sager & M.J. Hamel, Ed.). John Benjamin Publishing Co.